

# Berita KUKUM



## PROGRAM JALAN KAKI MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME DAN JATI DIRI MAHASISWA

Lebih 600 siswa dan siswi tahun pertama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia-KUKUM buat julung kalinya akan mengikuti Program Jalan Kaki 50 kilometer pada 26 Februari 2006.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti yang terkandung dalam Modul Rakan Pendamping Siswa-RPS yang diwajibkan ke atas setiap pelajar KUKUM. Para peserta akan melalui sepanjang laluan dari Kolej Kediaman KUKUM kampung. Wai, Kuala Perlis hingga ke Tasik Melati.

Menurut Rektor KUKUM, program tersebut antara lain bertujuan memupuk unsur-unsur patriotisme dan jati diri bagi semua siswa dan siswi KUKUM. Dua elemen tersebut penting bagi pembangunan sahsiah pelajar terutama dalam dunia tanpa sempadan yang banyak menghakis nilai-nilai murni.

Selain itu beliau berkata program berkenaan juga dapat mengeratkan silaturahim dikalangan siswa siswi tahun pertama disamping meningkatkan kecergasan mental dan fizikal mereka.

Melalui program jalan kaki 50 kilometer itu juga para peserta dapat mengenal pasti adat resam serta budaya hidup penduduk negeri perlis.

Para peserta akan melalui 4 checkpoint sebelum tiba di Checkpoint yang terakhir. Antaranya checkpoint Sekolah kebangsaan Sungai berembang, Sekolah Kebangsaan Ujung Batu, Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin dan Sekolah Kebangsaan Dato Kayaman.

